



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 3 APRIL 2026**

| BIL. | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------|--|--|
| 1. | SUNGAI MARONG BERTUKAR HITAM, BERBUIH, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 18 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 2. | SUNGAI TERCEMAR DI JELEBU, HAMPIR 50 KG IKAN MATI, NEGARA, KOSMO, M/S – 14 | |
| 3. | MADA LAKSANA KAEDAH TABUR KERING TANAM PADI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 4. | 'AIR TIADA, MINYAK PULA MAHAL', DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11 | LAIN - LAIN |
| 5. | JAGA KETERJAMINAN MAKANAN, CETUSAN, SINAR HARIAN, M/S – 13 | |
| 6. | 1,908 PESAWAH TANGGUH TANAM PADI, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 17 | |
| 7. | PESAWAH DI KELANTAN 'BEREHAT', DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28 | |
| 8. | 30 PERATUS IKAN SANGKAR MATI AKIBAT CUACA PANAS, NEGARA, KOSMO, M/S – 12 | |
| 9. | LEMBU BERISIKO MATI TERDEDAH CUACA PANAS, NEGARA, KOSMO, M/S – 14 | |
| 10. | 34 TAN KARKAS BABI DIRAMPAS, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 19 | |
| 11. | JETI HARAM JADI LOKASI PINDAH DAGING BABI, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 19 | |
| 12. | PLANTING SEEDS OF SELF-RELIANCE, NATION, THE STAR, M/S – 11 | |
| 13. | PAHANG TARGETS PRICE GAP WITH NEW FARM HUB, NATIONAL, THE SUN, M/S – 4 | |
| 14. | SUBSIDI DIESEL NELAYAN C2 DIPERINCI DALAM MESYUARAT NACCOL, NEGARA, KOSMO, M/S – 8 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Sungai Marong bertukar hitam, berbuih

pihaknya menerima aduan berhubung kejadian itu daripada nelayan tempatan secara dalam talian memaklumkan pencemaran yang berlaku.

"Bertindak atas aduan, kami ke lokasi bersama pengadu sebelum mendapati maklumat itu adalah benar dan pemerhatian mendapati air sungai itu berwarna hitam dan berbuih.

"Selain itu, turut didapati ada ikan berada di permukaan dan ada yang sudah mati. Susulan itu, pegawai Cawangan Biosekuriti Jabatan Perikanan Negeri dipanggil hadir ke lokasi kejadian," tanya.

Mohd Azhar berkata, oksigen terlarut (DO) yang rendah dalam air sungai itu menyebabkan ikan lemas atau mati.

Pelbagai spesies ikan mati dipercayai akibat pencemaran

Oleh Abnor Hamizam
Abd Manap
bhnews@bh.com.my

Jelebu: Pelbagai spesies ikan mati dipercayai akibat pencemaran Sungai Marong berhampiran Kampung Lakat di sini. Ketua Daerah Perikanan Jelebu, Mohd Azhar Jusoh, berkata



Sungai Marong di Jelebu tercemar dipercayai punca ikan mati.

Sampel air: ikan diambil

Jelasnya, ikan dikategori sebagai lemas boleh mati sekiranya keadaan air sungai tidak berubah, selain ketiadaan hujan.

"Sampel air sungai dan ikan diambil untuk dihantar ke Makmal Biosekuriti Perikanan KLLA bagi mengetahui punca sebenar kematian ikan.

"Satu laporan polis mengenai kejadian itu juga dibuat di Balai Polis Kuala Klawang," katanya.

Sungai tercemar di Jelebu, hampir 50 kg ikan mati

JELEBU — Pelbagai jenis ikan dianggarkan seberat 50 kilogram didapati mati susulan pencemaran Sungai Marong berhampiran Kampung Lakai, di sini kelmarin.

Ketua Daerah Perikanan Je-
lebu, Mohd. Azhar Jusoh berka-
ta, pihaknya sebelum itu mene-
rima aduan dibuat nelayan darat
melalui WhatsApp dan segera
ke lokasi kejadian bersama pe-

ngadu.

"Siasatan awal melalui pemer-
hatian air sungai didapati ber-
warna hitam dan berbusih, selain
turut didapati ikan mati antara-
nya baung, sengat, terubol dan
masal.

"Sekiranya hari tidak hujan,
dikhawatiri lebih banyak lagi ikan
mati. Pegawai dari Cawangan
Biosekuriti Jabatan Perikanan
Negeri Sembilan hadir ke lokasi

kejadian dan mendapati oksigen
terlarut dalam air yang rendah.

"Sampel air sungai dan ikan
diambil untuk dihantar ke Mak-
mal Biosekuriti Perikanan KLJA
bagi mengetahui punca sebenar
kematian ikan.

"Satu laporan polis ber-
hubung kejadian itu dibuat di
Balai Polis Kuala Klawang," ka-
tanya ketika dihubungi di sini
semalam.



KEADAAAN pencemaran Sungai Marong berhampiran Kampung Lakai, Jelebu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------------|-----------------|------------|
| 3/4/2026 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 11 |

MADA laksana kaedah tabur kering tanam padi

ALOR SETAR: Proses penanaman padi bagi Musim 1/ 2026 di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) akan dilaksanakan secara tabur terus kering (TTK) berikutan cuaca panas dan musim kemarau yang masih melanda Kedah.

Pengerusi MADA, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, kaedah tersebut merupakan alternatif terbaik buat masa ini bagi memastikan kesemua 100,641 hektar sawah terus diusahakan sekali gus menjamin bekalan beras negara.

Bagaimanapun, kaedah itu mempunyai risiko tertentu termasuk hasil yang dijangka boleh merosot serta ancaman pertumbuhan rumpai dan peningkatan kos mengusahakan sawah.

“Kita pernah melakukan kaedah TTK sebanyak enam kali iaitu sepenuhnya pada 1987; 1991; 1992 dan 1993 yang ketika itu turut berdepan musim panas di negeri ini. Pada 2017 dan 2020, TTK tidak diteruskan kerana berlaku hujan.

“Dari segil hasil memang akan terkesan sedikit iaitu kita jangkakan sekitar empat tan sehektar,

malah pada 1987, hasil tuaian diperolehi hanya 2.3 tan, 1991 (3.5); 1992 (3.1) dan 1993 (3.9). Untuk 2017 dan 2020 hasil masing-masing 5.98 dan 5.96 sebab berlaku hujan,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Tambah beliau, bagi proses pembajakan pula memerlukan sehingga lima pusingan untuk penyediaan tanaman secara TTK yang sudah tentu memerlukan kos tambahan selain benih yang lebih banyak dan racun untuk melawan rumpai.

“Buat masa ini, kaedah ini dilihat sebagai strategi terbaik bagi mengoptimumkan penggunaan sumber air yang terhad serta memastikan jadual penanaman dapat diteruskan tanpa bergantung sepenuhnya kepada bekalan air pengairan pada peringkat awal tanaman.

“Tetapi, jika berlaku hujan kita tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada kaedah TTK seperti mana dilalui pada 2017 dan 2020 yang akhirnya proses penanaman padi dilakukan seperti biasa,” katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------------|-----------------|------------|
| 3/4/2026 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 11 |

'Air tiada, minyak pula mahal'

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamula.com.my

KANGAR: Pesawah berdepan peningkatan kos operasi sehingga 50 peratus ekoran kenaikan harga diesel mencecah RM6.02 seliter.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, kos operasi terutama upah jentera menyebabkan mereka terpaksa berfikir panjang untuk memulakan musim baha-tanaman Mei ini.

Seorang pesawah, Mohd. Noor Hashim, 63, berkata, pengeluaran padi tersebut bergantung kepada penggunaan diesel bermula jentera membajak, pam air, mesin menuai hinggalah kepada pengangkutan hasil.

Katanya, masalah itu ditambah kekurangan sumber bekalan air berikutan kemarau.

"Sudahlah air tidak ada, minyak (diesel) pula mahal," katanya.

Mohd. Noor berkata, ketika ini, pesawah terpaksa mengeluarkan perbelanjaan tunai yang banyak dengan pembelian diesel bagi 100 liter sudah mencecah RM602 dan kos upah yang tinggi.



KENAIKAN harga diesel yang kini mencecah RM6.02 seliter memberi kesan cukup besar kepada pesawah yang dijangka berdepan peningkatan kos operasi terutama upah jentera sehingga 50 peratus.

Dia yang mengusahakan sawah di kawasan seluas dua hektar memberitahu, kos mengusahakan sawah bagi satu hektar yang sebelum ini RM1,500 meningkat kepada RM2,200.

"Jika sebelum ini, kos upah mesin padi bagi 0.3 hektar seki-

tar RM180 bakal melambung kepada RM200 atau lebih dan begitu juga kos traktor dari RM130 untuk keluasan sama bakal mengalami peningkatan sehingga 50 peratus selain upah lori daripada RM25 dijangka naik kepada RM40.

"Pendapatan saya pula dijangka menyusut dari RM15,000 kepada sekitar RM7,000. Semua jentera pakai diesel dan pengusaha jentera berat itu juga tidak mempunyai pilihan terpaksa menaikkan kos upah ekoran peningkatan harga diesel sangat tinggi.

"Selain upah jentera, input pertanian seperti baja, benih dan sebagainya turut dijangka naik seiring dengan kenaikan harga diesel tersebut. Saya jangkakan penanaman musim ini," katanya.

Seorang pengusaha jentera berat, Che Fariz Izani Che Ya, 37, pula berkata, kos sewa jentera dijangka meningkat dari RM350 kepada RM450 bagi tiga putaran untuk keluasan 0.3 hektar.

Katanya, pengusaha jentera tidak mempunyai pilihan selain perlu juga menaikkan kos upah berikutan kenaikan harga diesel tersebut.

"Paling terbeban sudah pastinya pesawah dan kami juga perlu menampung pelbagai kos lain kesan kenaikan tersebut. Selain jentera berat, kos upah lori juga dijangka naik 30 peratus.

"Saya cadangkan jika harga minyak tidak boleh turun, kerajaan perlu menyalurkan subsidi minyak kepada jentera pertanian ini bagi membolehkan pengusaha mengekalkan kos sewa jentera pada harga lama," katanya.

Jaga keterjaminan makanan



MERENTAS RUANG

SAIFUDDIN ABDULLAH

Pada 26 Mac lalu, Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin telah menulis kepada Perdana Menteri menggesa diadakan Sidang Khas Dewan Rakyat bagi membahaskan implikasi perang tanpa provokasi dan haram oleh Amerika Syarikat (AS)-Israel ke atas Iran yang merupakan negara bercauliat serta kesannya terhadap Malaysia dan dunia.

Gesaan ini dibuat kerana menyedari perang ini telah mengakibatkan kenaikan mendadak harga minyak dunia. Ia menekan pasaran tenaga. Ia turut menjajaskan kedudukan fiskal negara dan keupayaan kerajaan dalam meneruskan subsidi dan bantuan kepada rakyat.

Sidang khas tersebut perlu membincangkan perkara-perkara yang melibatkan keyakinan rakyat terhadap kesiapsiagaan negara dalam menghadapi cabaran-cabaran ekonomi semasa.

Cabaran paling getir ialah keterjaminan makanan, contohnya bekalan beras. Kerana beras makanan ruji rakyat. Apa maknanya wujud kawalan harga minyak tetapi beras

ini antara langkah kritikal yang sepatutnya dilakukan bagi membantu para pesawah yang menghasilkan keterjaminan makanan dalam keadaan kita berhadapan dengan perang Iran. Ini pendekatan yang spesifik dan tepat. Memanglah ada kaitannya dengan kenaikan harga minyak akibat perang. Tetapi tujuannya jelas, iaitu keterjaminan makanan dan survival pesawah. Bukannya sekadar mengawal harga minyak tanpa tujuan khusus.

Kini, perang telah melewati tempoh sebulan lamanya. Ia mesti segera dihentikan. Tetapi mestilah dengan adli, iaitu mengikut terma-terma yang dipersetujui Iran secara rela hati, bukannya yang dipaksakan ke atasnya oleh AS-Israel.

Iran berhak mempertahankan dirinya dan membuat serangan balas.

Difahamkan, Iran menggariskan lima syarat untuk menghentikan perang ini: menghentikan sepenuhnya serangan-serangan

dan pembunuhan-pembunuhan, jaminan tidak akan berlaku lagi perang/serangan, pembayaran pampasan kerugian perang, gencatan senjata serantau yang komprehensif dan mengiktiraf kedaulatan Iran ke atas Selat Hormuz.

Malaysia perlu terus berperanan untuk menghentikan perang ini dengan adli, membantu mengembalikan dan menyuburkan kehidupan bersama secara damai (*peaceful coexistence*) antara Iran dan negara-negara jirannya, serta aktif dalam membangun arkitektur baru geopolitik dunia pasca-perang ini.

Manakala apa yang paling penting ialah kita membuat yang terbaik demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat akibat kegawatan perang ini.

Semua ini harus dibahaskan dalam sidang khas yang dijagesa Hamzah itu.

**Datuk Seri Saifuddin Abdullah ialah Ahli Parlimen Indera Mahkota dan mantan Menteri Luar Negeri*

Cabaran paling getir ialah keterjaminan makanan, contohnya bekalan beras. Kerana beras makanan ruji rakyat.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|---------|------------|
| 3/4/2026 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |

Oleh Hamzah Osman
am@hmetro.com.my

Langkawi

Seramai 1,098 pesawah di pulau ini, terpaksa menanggunghkan penanaman padi yang dijadual bermula Mei depan, susulan kenaikan harga diesel yang melonjakkan kos membajak dan menuai.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Langkawi, Hassim Saad berkata, kenaikan mendadak harga diesel kepada RM6.02 seliter memaksa pemilik jentera membajak dan menuai menaikkan upah lebih 30 peratus.

Katanya, sebelum ini kos membajak sawah seluas 0.3 hektar (serelong) adalah sekitar RM300, namun dengan kenaikan harga diesel, upah jentera dijangka meningkat kepada RM450 bagi keluasan sama.

"Proses membajak sawah memerlukan tiga peringkat iaitu bajak kasar, halus dan akhir, yang semuanya menggunakan jentera berkuasa diesel," katanya pada sidang media di Pusat Pengumpulan Padi Kampung Bukit Hantu, semalam.

Turut hadir, Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Mohd Suhaimi Abdullah.

Hassim berkata, kerajaan



HASSIM (dua dari kanan) menyerahkan memorandum mengenai kenaikan kos mengusahakan sawah kepada Mohd Suhaimi di Pusat Pengumpulan Padi Kampung Bukit Hantu, Langkawi. - Gambar NSTP/HAMZAH OSMAN

HARGA DIESEL LONJAK KOS MEMBAJAK DAN MENUAI

1,908 pesawah tangguh tanam padi

perlu campur tangan sebagai langkah jangka pendek dengan menyediakan subsidi diesel bersasar kepada pengusaha jentera pertanian bagi mengelakkan ke-

naikan kos upah yang membebankan pesawah.

"Jika tekanan harga diesel seperti sekarang berterusan hingga Mei ini, pesawah di Langkawi tiada

pilihan selain menangguhkan penanaman padi musim pertama tahun ini," katanya.

Hassim menyerahkan memorandum kenaikan

kos mengusahakan sawah susulan peningkatan harga diesel kepada Mohd Suhaimi untuk disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tidak mampu serap kos berganda usahakan padi ekoran harga diesel melambung

Pesawah di Kelantan 'berehat'

Oleh **YATIM ABDULLAH**
yatimin.abdullah@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Pesawah di negeri ini terpaksa 'berehat' buat sementara waktu daripada mengusahakan tanaman padi sekiranya harga diesel terus melambung.

Pengerusi Persatuan Pesawah-Pesawah Kelantan (Pesak), Zuhra Ismail berkata, kenaikan harga bahan bakar itu yang mencecah sehingga RM6.02 seliter menyebabkan petani sudah tidak mampu menyerap kos berganda bagi mengusahakan tanaman tersebut.

Katanya, hampir semua aktiviti pertanian bergantung sepenuhnya kepada pengunaan diesel bermula dengan kerja-kerja membajak, menuai sehinggalah mengangkut hasil ke pusat jualan.

"Sebelum ini kos membajak untuk kelusan 0.4 hektar sekitar RM170 namun sejak harga diesel melambung, harga naik sehingga RM250 untuk kelusan yang sama.

"Begitu jua dengan kos menuai padi, harga sudah mencecah sehingga RM20 untuk 100 kilogram. Jika harga diesel terus naik, pesawah mungkin

terpaksa berehat sementara waktu," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Zuhra memberitahu, peningkatan kos logistik termasuk caj Lori untuk mengangkut padi dan bendang ke kilang juga dijangka memberi kesan berantai kepada harga benih padi dan bahan input lain.

Katanya, oleh itu kerajaan perlu mengambil langkah segera dengan melindungi sektor pertanian daripada kenaikan harga diesel yang cukup tinggi ketika ini.

"Sektor pertanian bergantung sepenuhnya kepada peng-

gunaan diesel. Jika kerajaan tidak melakukan sesuatu bermungkinan besar sektor pertanian negara juga akan berdepan krisis.

"Sudahlah berdepan kenaikan harga diesel, para pesawah di Kelantan turut diuji dengan kemarau yang telah memberikan kesan kepada pengeluaran padi di negeri ini," ujarnya.

Harga runcit diesel di Semenanjung meningkat sebanyak 50 sen kepada RM6.02 seliter manakala harga di Sabah, Sarawak dan Labuan kekal pada RM2.15 seliter bagi tempoh 2

April hingga 8 April ini.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan memaklumkan, harga runcit petrol RON97 bagai manapun turun 20 sen ke- pada RM4.95 seliter manakala harga petrol RON95 tanpa subsidi kekal pada RM3.87 seliter bagi tempoh sama.

Harga runcit petrol bersubsidi RON95 di bawah BUDI95 kekal pada RM1.99 seliter.

Krisis tenaga global yang masih berlarutan telah mendorong lonjakan harga minyak mentah Brent global melebihi 40 peratus sehingga melepasi paras AS\$100 setong.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|-------|---------|------------|
| 3/4/2026 | KOSMO | NEGARA | 12 |



MOHAMAD NA'IMAN menunjukkan sebahagian anak ikan yang mati di dalam sangkarnya ekoran cuaca panas di Kampung Pantai Ali, Hulu Terengganu semalam.

30 peratus ikan sangkar mati akibat cuaca panas

HULU TERENGGANU – Fenomena cuaca panas yang melanda negara pada masa ini meresahkan pengusaha ikan sangkar di Kampung Pantai Ali di sini, apabila sekurang-kurangnya 30 peratus ternakan mereka sudah mati setakat ini.

Musim kemarau menaikkan suhu air selain lumpur timbul akibat penurunan paras air sungai, sekali gus meningkatkan risiko kematian ikan dalam sangkar.

Bendahari Kelompok Ternakan Ikan Sangkar Kampung Pantai Ali, Zakaria Ismail mendakwa, cuaca panas pada masa ini memberi ancaman terhadap kira-kira 500,000 anak ikan keli, patin dan talapia yang sedang mereka bela di dalam 250 sangkar di tebing Sungai Terengganu.

“Cuaca panas ini menyebabkan banyak anak ikan yang diletakkan di dalam sangkar tidak

mampu bertahan lalu mati.

“Kita anggarkan hanya kira-kira 500 daripada 2,000 ekor anak ikan yang diletakkan di setiap sangkar mampu hidup sehingga fasa tuaian kelak,” katanya ketika ditemui di Kampung Pantai Ali di sini semalam.

Seorang penternak, Mohamad Na'iman Mohd. Abdullah, 32, berkata, setakat ini, dia menanggung kerugian RM10,400 akibat kematian ikan dalam sangkarnya.

“Saya bimbang jika fenomena cuaca panas ini semakin berlarutan sehingga bulan Jun.

“Risau makin lama makin banyak ikan akan mati jika cuaca panas ketika ini berterusan,” katanya.

Seorang lagi penternak, Azmi Abdullah, 43, pula mendakwa, ikan-ikan ternakan miliknya diancam lumpur yang timbul akibat paras air sungai surut.

Lembu berisiko mati terdedah cuaca panas

KOTA BHARU – Seorang penternak di Kampung Padang Kala, Peringat di sini, bimbang haiwan ternakannya mati apabila terdedah kepada cuaca panas melampau sejak dua bulan lalu.

Terbaharu, seekor lembu milik seorang penternak di kampung itu tiba-tiba rebah semasa meragut rumput sehingga terpaksa dijual kepada penyembelih pada harga RM300 agar tidak menanggung kerugian.

Seorang penternak, Muhammad Haniff Mat Hussin, 31, berkata, dia yang menternak 10 ekor lembu bimbang sekiranya haiwan ternakannya mati ekoran terdedah dengan cuaca panas ketika ini.

Menurutnya, semua lembu peliharaannya sudah ditempah untuk dijadikan haiwan korban pada Hari Raya Aidiladha.

“Saya menternak tiga jenis lembu termasuk lembu kampung, brahman dan charolais. Harga yang ditetapkan kira-kira RM700 hingga RM850 untuk satu bahagian korban lembu-lembu tersebut.

“Bagi mengelakkan lembu mati, saya akan pastikan bekalan air, dedak dan rumput mencukupi. Buat masa ini,

lembu-lembu ternakan juga tidak boleh dibiarkan berada di padang ragut seperti biasa,” katanya di sini semalam.

Katanya, masalah yang dihadapi oleh penternak ketika ini adalah rumput kering kerana cuaca terlalu panas.

“Saya dengan kerjasama penduduk sudah bergotongroyong menanam rumput di kawasan seluas satu hektar. Setelah dipotong kali kedua, rumput menjadi kering.

“Buat masa ini, saya mengeluarkan wang simpanan bagi tujuan membeli dedak untuk 10 ekor lembu dengan setiap seekor perlu memerlukan kos lebih RM150,” katanya.

Sementara itu, seorang lagi penternak, Ariffin Mat, 60, berkata, dia memastikan lima ekor lembu ternakannya berada di dalam kandang bagi mengelakkan haiwan tersebut terdedah cuaca panas terik.

Katanya, kebanyakan lembu akan rebah apabila badan terlalu panas dan berisiko akan mati sekiranya langkah pencegahan tidak dijalankan.

“Setiap hari, saya akan pastikan air dan makanan mencukupi untuk lima ekor lembu itu,” katanya.



MUHAMMAD HANIFF memantau keadaan dua ekor lembunya di Peringat, Kota Bharu semalam. – ROHANA MOHD. NAWI

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|---------|------------|
| 3/4/2026 | HARIAN METRO | LOKAL | 19 |

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Polis merampas 34 tan karkas daging babi dan 97 kotak daging ayam sejuk beku tanpa sijil halal bernilai RM1.5 juta dalam tiga serbuan serentak di tiga premis di Kampung Baru Subang, Selangor, kelmarin.

Operasi bersepadu dijalankan Wildlife Crime Bureau/Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Dan Ketenteraman Awam, (JKDNKA) Bukit Aman.

Komander WCB/PSK, Senior Asisten Komisioner Mohd Zaki Ashar berkata, operasi dijalankan dengan kerjasama beberapa agensi antaranya, Jabatan Veterinar, Kementerian Kesihatan, JAKIM, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup, (KPDN), LHDN, MAQIS dan kastam.

“Turut disita, tiga alat penimbang dan tiga lori satu tan. Nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM1.9 juta.

“Seramai 32 individu berusia antara 22 hingga 59 tahun termasuk tiga pemilik dan pengurus syarikat juga ditahan untuk membantu siasatan,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, semua tangkapan dibawa ke Ibu

34 tan karkas babi dirampas

32 individu termasuk tiga pemilik dan pengurus syarikat ditahan untuk membantu siasatan



“
Nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM1.9 juta
Mohd Zaki

POLIS merampas 34 tan karkas daging babi dan 97 kotak daging ayam sejuk beku tanpa sijil halal bernilai RM1.5 juta dalam tiga serbuan serentak di tiga premis di Kampung Baru Subang, Selangor.

Pejabat Polis Daerah (IPD) Sungai Buloh untuk tindakan lanjut.

“Kompaun turut dike-

luarkan oleh beberapa agensi terlibat atas pelbagai kesalahan.

“Operasi ini berjaya memutuskan rangkaian sin-

diket penyeludupan, pengedaran dan penjualan makanan sejuk beku yang dikesan bergerak aktif di Lembah Klang,” katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|---------|------------|
| 3/4/2026 | HARIAN METRO | LOKAL | 19 |



KEGIATAN pemindahan dan pengangkutan karkas daging babi tanpa permit yang dibongkar PPM Wilayah Satu dalam serbuan di sebuah jeti haram di Sungai Merbok, Kedah.

Jeti haram jadi lokasi pindah daging babi

Georgetown: Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Satu membongkar kegiatan pemindahan dan pengangkutan karkas daging babi tanpa permit di sebuah jeti haram di Sungai Merbok, Kedah, kelmárin.

Dalam serbuan jam 2 pagi itu, seramai tujuh lelaki warga tempatan ditahan kerana disyaki terabit dengan kegiatan berkenaan.

Komander PPM Wilayah Satu, Asisten Komisioner Jaffri Bidin berkata serbuan itu dilakukan Unit Risikan Marin (URM) dalam Op Taring Landai dan Op Taring Gelora di sekitar kawasan perairan Tanjung Dawai.

Siasatan awal di lokasi mendapati karkas daging babi berkenaan dibawa dari negara jiran Thailand menerusi laluan laut.

"Hasil pemeriksaan mendapati kesemua suspek gagal mengemukakan sebarang permit kebena-

ran daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bagi aktiviti itu.

"Antara yang dirampas ialah tujuh tan karkas daging babi, dua lori sejuk beku, bot fiber tanpa nombor pendaftaran, tiga unit enjin," katanya dalam kenyataan media semalam.

Mengulas lanjut Jaffri berkata jumlah keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM795,100.

"Kesemua suspek ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 dan kes diserahkan kepada JPV Kedah untuk tindakan lanjut.

"PPM akan terus mempergiat operasi terutama di kawasan 'panas' (hotspot) bagi memastikan kegiatan penyeludupan menerusi laluan laut dibanteras berikutan boleh memberi risiko kepada kesihatan awam dan keselamatan negara," katanya lagi.

Planting seeds of self-reliance

Community farm provides fresh alternative as food prices rise

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Fifteen volunteers and RM100,000 from the federal government have given folks in Kampung Kastam here a community farm many would envy.

Their modest greenhouse in Gelugor produces vegetables and tilapia for them, a small answer to rising food costs at risk of worsening due to soaring fuel prices.

Run by members of the residents' committee, the farm grows bak choy, lettuce, kangkung and brinjal using an aquaponics system that links fish and crops in a closed cycle.

Water from tanks rearing tilapia flows through planting channels, carrying fish waste that feeds the plants. The crops filter the water before it returns to the tanks, allowing it to be reused.

The setup uses the nutrient film technique, where a shallow stream of water passes through narrow channels to nourish plant roots.

Lengkok Bawah village community management council chairman R. Gogeshwariy said the work is shared among volunteers who come in after work.

"There are 15 of us from different age groups and backgrounds.

"Vegetables such as bok choy can be harvested in about two weeks while lettuce, kangkung and eggplant take longer.



Homegrown greens: Volunteers from the residents' committee checking on the vegetables at their greenhouse in Kampung Kastam, Gelugor. — ZHAFARAN NASIB/The Star

"We germinate seeds in the media bed before transferring them into sponge holders over the flowing water.

"At maximum capacity, we can grow up to 2,000 plants," she said.

The harvest is shared with residents, and surplus is sold at Rahmah Sales below market price or supplied to nearby eateries.

"The RM100,000 project was

funded through a federal government allocation called Sejahtera Madani, with about RM80,000 spent on construction and the rest on utilities and infrastructure," Gogeshwariy said, adding that the tilapia, fed on pellets, are sold at RM8 each when they mature.

Still, the work is far from effortless.

Without pesticides, the crops

are exposed to bugs and ants, and a past caterpillar infestation wiped out a large portion of the harvest.

Recent hot weather has forced the team to add extra covering to shield the plants, while a roster ensures the fish are fed and the system is checked daily.

Hawker Akashah Darus, 58, said she learned to manage the

"At maximum capacity, we can grow up to 2,000 plants."

R. Gogeshwariy

crops through observation and online resources.

"Previously, I only had experience growing plants at home.

"Since I work in the morning, I come in the afternoon to tend to the vegetables. Sometimes, I supply produce to hawkers," she said.

Lorry driver Siva Subramaniam Servai, 47, said his experience in traditional farming and technical work helped him adapt to the work at the community farm.

"I help with plumbing, wiring, installations and solar lighting.

"Although this method is very different from what I used to do, I'm glad I can still use my experience here," he said.

Seri Delima assemblyman Connie Tan said the project is the second aquaponics farm in her constituency and would improve access to fresh, affordable food for the local community.

"We grow fresh vegetables in a smart and efficient way in our neighbourhoods," she said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|---------|----------|------------|
| 3/4/2026 | THE SUN | NATIONAL | 4 |

Pahang targets price gap with new farm hub

KUANTAN: The Pahang government will set up a vegetable wholesale hub in Cameron Highlands to reduce farmers' reliance on middlemen believed to be controlling market prices.

State Consumer Affairs and Human Resources Committee chairman Sim Chon Siang said this follows complaints from farmers receiving as little as 20 sen per kilogramme for some produce.

"Previously, they could earn more than RM1 for about 15 types of vegetables, but now only two types fetch that price. Pricing is determined by wholesalers in Selayang," he told reporters at the Sultan Ahmad Shah Administrative Centre.

He added that the hub would enable farmers to market their produce directly, noting the Cameron Highlands district officer has been tasked with identifying a suitable site.

Sim said the gap between farm and retail prices appears disproportionate, citing tomatoes that sell for low prices at farm level but reach about RM6.50 per kilogramme at retail, suggesting multiple layers of intermediaries.

On traffic congestion in Kea Farm, he said personnel may be deployed to manage pedestrian movement and coordinate crossings from 8am to 7pm daily. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|-------|---------|------------|
| 3/4/2026 | KOSMO | NEGARA | 8 |

Subsidi diesel nelayan C2 diperinci dalam mesyuarat NACCOL

PUTRAJAYA – Kerajaan akan memperincikan tuntutan subsidi diesel bagi nelayan kategori C2 dalam mesyuarat mesyuarat jawatankuasa eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara atau NACCOL semalam.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan akan memberi perhatian terhadap isu dibangkitkan golongan nelayan berkenaan.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, kerajaan melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) NACCOL yang akan bermesyuarat pada hari ini akan memperincikan bagaimanakah tanggungan kerajaan untuk subsidi minyak yang telah meningkat.

"Ini satu tanggungan yang amat berat. Jadi kita harus rasional dan semua pihak harus menerima hakikat ini bukan disebabkan faktor dalam negara tetapi disebabkan oleh keadaan krisis di Asia Barat," katanya.

Kata Ahmad Zahid, pihaknya menekankan agar semua agensi dan pihak berkaitan untuk bersiap siaga untuk mendepani krisis ini.

Ahmad Zahid berkata, beliau juga mahu semua pihak ber-



Ini satu tanggungan yang amat berat. Jadi kita harus rasional dan semua pihak harus menerima hakikat ini bukan disebabkan faktor dalam negara tetapi disebabkan oleh keadaan krisis di Asia Barat."

siap siaga di dalam krisis yang dihadapi ketika ini.

"Kita jangan merasa selesa dan jangan hanya menuding jari kepada pihak kerajaan terutamanya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Hakikatnya ialah kerana krisis global yang harus kita sama-sama hadapi," katanya.

Sebelum ini, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia memaklumkan sedang meneliti kaedah terbaik bagi menyalurkan bantuan kepada pemilik bot nelayan laut dalam kategori Zon C2 di seluruh negara susulan kenaikan harga diesel akibat krisis di Asia Barat.